

Rujukan: USM. 10/4/I JLD. III

Tarikh: 26 Julai 2017

Penolong Naib Canselor/ Pengarah Kampus
Dekan/ Pengarah/
Penyelaras/ Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/ Pusat/ Unit/ Jabatan
Kampus Induk/ Kejuruteraan/Kesihatan dan
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/ Prof/Dr./Tuan/Puan,

PELAWAAN PERMOHONAN

- ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN TAHUN 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Pentadbir Sanjungan pada setiap tahun bagi memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada warga USM yang telah mempamerkan keunggulan dalam prestasi kerja, penggerak transformasi serta mempamerkan ciri kepimpinan yang jitu sebagai *role model* dalam perkhidmatan dan sumbangan kepada Universiti.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof/Dr./Tuan/Puan, Anugerah Pentadbir Sanjungan ini terbuka kepada semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang sedia ada di Universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan.

3. Sehubungan dengan ini, dengan penuh takzim pihak Universiti ingin mempelawa YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof/Dr./Tuan/Puan yang berkelayakan dan memenuhi syarat untuk memohon Anugerah Pentadbir Sanjungan bagi tahun 2016. Pencalonan juga boleh dibuat oleh mana-mana individu staf USM yang sedang berkhidmat dengan USM. Penerima anugerah akan menerima hadiah wang tunai dan turut diraikan dalam Majlis Anugerah Sanggar Sanjung (MASS) 2016 yang akan diadakan pada 28 Oktober 2017.

4. Garis panduan dan borang permohonan boleh dirujuk melalui pautan <https://mass.usm.my>. Borang permohonan yang lengkap (*hardcopy*) hendaklah dimajukan kepada **Urusetia Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Pentadbir Sanjungan, Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Pendaftar, Aras 5, Bangunan Canselori** selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2017 (Selasa) jam 5.00 petang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Memastikan Kelestarian Hari Esok'



(PROFESOR DATO' DR. HJ. ABD AZIZ TAJUDDIN)

Pendaftar

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan
Anugerah Pentadbir Sanjungan 2016





ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN 2016

SEMPENA MAJLIS ANUGERAH SANGGAR SANJUNG (MASS)
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Nilai Anugerah

Pengiktirafan dan Anugerah yang
diberikan adalah Wang tunai sebanyak
RM2,000.00,
Sijil dan Cenderamata kepada setiap
pemenang dan diraikan dalam Majlis
Anugerah Sanggar Sanjung
(MASS)

KATEGORI PENGURUSAN & PROFESIONAL

A Kriteria kesanjungan dalam
pengurusan/ pentadbiran/
pelaksanaan

B Kriteria hasil sumbangan
menerusi kreativiti dan inovasi

C Kriteria kesanjungan
dalam kepimpinan

D Kriteria hasil kerja/ kajian
yang diterbitkan

KATEGORI PELAKSANA

A Kriteria kesanjungan dalam
pengurusan/ pentadbiran/
pelaksanaan

B Kriteria hasil sumbangan
menerusi kreativiti dan inovasi

C Kriteria kecemerlangan dalam
kepimpinan

Pencalonan terbuka kepada staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (bukan akademik) dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang sedia ada di Universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan. (Sila rujuk Garis Panduan Anugerah Pentadbir Sanjung 2016).



Anugerah Pentadbir Sanjungan mula di perkenalkan pada tahun 2008 dan dilaksanakan penganugerahannya dalam Majlis Anugerah Sanggar Sanjung (MASS). Pentadbir Sanjungan didefinisikan sebagai seorang staf pentadbiran yang mempamerkan keunggulan dalam prestasi kerja melalui implementasi kompetensi generik dan fungsian secara menyeluruh dan konsisten. Pentadbir sanjungan juga diertikan sebagai seorang yang dinamik dalam usaha penjanaaan idea, penggerak transformasi serta mempamerkan ciri-ciri kepimpinan yang jitu dan berpotensi tinggi untuk diserlahkan ke peringkat yang lebih tinggi melalui asas kesanjungan yang telah dipamerkan oleh individu.

Selaras dengan usaha mendukung agenda transformasi perkhidmatan awam yang inovatif, lestari dan produktif, adalah menjadi hasrat Universiti untuk memberi insentif serta pengiktirafan sebagai galakan kepada staf pentadbiran Universiti untuk terus memacu transformasi dalam pengurusan dan pentadbiran serta mengungguli kesanjungan dan kecemerlangan dalam kepimpinan sejajar dengan misi dan visi Universiti.

1. KATEGORI PENCALONAN ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN

Pencalonan adalah terbuka kepada kategori **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)** dan **Kumpulan Pelaksana** mengikut skim perkhidmatan seperti klasifikasi berikut :



2. KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN

Semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua skim perkhidmatan yang sedia ada di Universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan yang menunjukkan kesanjungan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi dalam urusan pekerjaan serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan adalah layak dipertimbangkan mengikut kategori seperti dinyatakan di atas. Anugerah ini adalah berasaskan kriteria sepunya untuk setiap kategori iaitu:

KATEGORI PENGURUSAN & PROFESIONAL & TEKNIKAL

KATEGORI PELAKSANA

	Kriteria kesanjungan dalam pengurusan/ pentadbiran/ pelaksanaan		Kriteria kesanjungan dalam pengurusan/ pentadbiran/ pelaksanaan
A	<ul style="list-style-type: none"> Penghasilan penemuan/ kaedah/ pendekatan baru dalam urusan pekerjaan. Penambahbaikan yang mempunyai impak yang tinggi dalam urusan pekerjaan Menjadi pakar rujuk/ pakar bidang/ mahir (skilled person) kepada PTJ atau Universiti. 	A	<ul style="list-style-type: none"> Penghasilan penemuan/ kaedah/ pendekatan baru dalam urusan pekerjaan. Penambahbaikan yang mempunyai impak yang tinggi dalam urusan pekerjaan Menjadi mahir (skilled person) kepada PTJ atau Universiti.
B	<p>Kriteria hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai hasil sumbangan yang berinovasi dalam urusan pekerjaan Hasil sumbangan itu merupakan idea asal (original). Mempunyai dokumentasi yang lengkap dan diterima pakai di peringkat Unit/ Bahagian/ Jabatan atau Universiti. Telah membuktikan keberkesanan hasil dan impak penggunaannya dalam urusan pekerjaan di peringkat Unit/ Bahagian/ Jabatan/ Universiti. 	B	<p>Kriteria hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai hasil sumbangan yang berinovasi dalam urusan pekerjaan Hasil sumbangan itu merupakan idea asal (original). Mempunyai dokumentasi yang lengkap dan diterima pakai di peringkat Unit/ Bahagian/ Jabatan atau Universiti. Telah membuktikan keberkesanan hasil dan impak penggunaannya dalam urusan pekerjaan di peringkat Unit/ Bahagian/ Jabatan/ Universiti.
C	<p>Kriteria kesanjungan dalam kepimpinan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai pencapaian prestasi kerja yang cemerlang Bergiat aktif serta mempunyai sumbangan di luar tugas rasmi yang diiktiraf oleh masyarakat di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menjadi pakar rujuk (resource person) dalam hal urusan pekerjaan di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa. 	C	<p>Kriteria kecemerlangan dalam kepimpinan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai pencapaian prestasi kerja yang cemerlang Bergiat aktif serta mempunyai sumbangan di luar tugas rasmi yang diiktiraf oleh masyarakat di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam urusan pekerjaan di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa
D	<p>Kriteria hasil kerja/ kajian yang diterbitkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai hasil kerja/ kajian yang diterbitkan dalam Universiti atau luar Universiti. 		

3. SYARAT DAN PERATURAN

- i. Pencalonan terbuka kepada staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (bukan akademik) dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua skim perkhidmatan yang sedia ada di Universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan.
- ii. Kesanjungan dalam bidang pengurusan/ pentadbiran/ pelaksanaan, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi serta mempunyai ciri kepimpinan sepanjang perkhidmatan.
- iii. Calon hendaklah mencapai purata minimum 85 peratus markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dalam tempoh lima (5) tahun.
- iv. Borang pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama portfolio calon seperti berikut:
 - a. Curriculum Vitae (CV)
 - b. Justifikasi pencalonan mengikut kriteria penilaian
 - c. Bahan bukti sumbangan dan pencapaian
- v. Tarikh tutup pencalonan ialah pada **15 Ogos 2017**
- vi. Pemenang Anugerah Pentadbir Sanjungan akan diraikan di **Majlis Anugerah Sanggar Sanjung (MASS)**.

4. NILAI ANUGERAH

Pengiktirafan dan Anugerah yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Wang tunai sebanyak **RM2,000.00** kepada setiap kategori pemenang
- ii. Sijil dan cenderamata
- iii. Pemenang akan diraikan di Majlis Anugerah Sanggar Sanjung (MASS) 2016

5. PROSEDUR PERMOHONAN

Permohonan Anugerah Pentadbir Sanjungan boleh dibuat oleh mana-mana staf USM yang sedang berkhidmat dengan USM atau staf boleh mencalonkan diri sendiri untuk anugerah ini.

Permohonan Anugerah Pentadbir Sanjungan perlulah menggunakan borang yang telah disediakan dan borang permohonan yang lengkap (hardcopy) hendaklah dimajukan kepada;

Sekretariat Anugerah Pentadbir Sanjungan 2016

**Pejabat Pendaftar
Aras 5, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia
11800, USM, Pulau Pinang.
04-6532418 / farhana@usm.my**

Tarikh Tutup Permohonan: 15 Ogos 2017